

RISALAH USIM

The News Bulletin Of Universiti Sains Islam Malaysia

www.usim.edu.my

Julai-Disember 2010

Issue no: 14

**Tun Mahathir
Terima Ijazah
Kehormat USIM** *Mukasurat 3*

**USIM Anugerah
Gelaran Profesor
Emeritus Pertama** *Mukasurat 6*

**Negeri Sembilan Sumbang
Tabung Pengantarabangsaan
USIM** *Mukasurat 13*

**Pasukan Quran dan
Sunnah USIM Raih Emas
di Pertandingan Inovasi
NRIC 2010**

**USIM Wujud Skim
Insentif Pada Huffaz
Al-Quran**

Mukasurat 28



ISSN 1511-9319



9 771511 931008



MS ISO 9001 : 2008 REG. NO. AR3454



MS ISO 9001 : 2008 REG. NO. AR5147
MS 1900 : 2005 REG. NO. AR5146



MS ISO 9001 : 2008 REG. NO. AR5249



MS ISO 9001 : 2008 REG. NO. AR5285

Penerbitan USIM 2010


Oleh : Noor Adibah Mohamad

PELABURAN WANG ZAKAT MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

HARGA: RM 28.00
 ISBN: 978-967-5295-49-2

SINOPSIS:

Buku ini memfokuskan perbincangan tentang pelaburan wang zakat menurut perspektif fiqah dari segi konsep, bentuk dan hukumnya. Ia turut membincangkan ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah SAW secara langsung atau tidak yang berkaitan isu pelaburan serta kepentingannya daripada perspektif Islam. Tafsiran-tafsiran para ulama terhadap ayat dan hadis tersebut dikaitkan pula dengan pelaburan yang melibatkan wang zakat. Buku ini juga membincangkan garis panduan dan syarat secara terperinci yang perlu diikuti oleh pusat-pusat zakat sekiranya ingin melaburkan wang zakat. Turut disentuh ialah perbincangan mengenai isu keuntungan dan kerugian sekiranya wang zakat dilaburkan. Buku ini boleh menjadi panduan kepada pusat-pusat zakat terutamanya di Malaysia dalam pelaburan wang zakat, seterusnya mempertingkatkan sistem pengurusan zakat di negara ini. Diharapkan juga dapat memberi gambaran kepada masyarakat awam tentang konsep pelaburan wang zakat. Kefahaman ini penting agar tidak berlaku salah faham terhadap baitulmal ataupun pusat zakat dalam merancang dan mengagihkan zakat secara telus, amanah dan adil.




AL-HAKIM AL-NAISABURI DAN METODOLOGI PENULISAN HADIS AL-MUSTADRAK 'ALA AL-SAHIHAIN

HARGA: RM 35.00
 ISBN: 978-967-5295-43-0

SINOPSIS:

Al-Mustadrak 'ala al-Sahihain karangan al-Hakim al-Naisaburi (m. 405H) merupakan antara karya warisan nabawi terpenting dalam sejarah Islam. Kepentingannya dapat dilihat menerusi iltizam pengarangnya untuk memuatkan hadis-hadis yang sahih sahaja di dalamnya, terutamanya yang menepati kriteria penerimaan al-Bukhari dan Muslim, atau salah seorang daripada mereka. Walau bagaimanapun, harapan ini tidak direalisasikan oleh al-Hakim secara konsisten seperti yang dijanjikannya. Ini mengakibatkan kewujudan sejumlah hadis yang tidak menepati syarat hadis sahih, apalagi syarat penerimaan al-Bukhari dan Muslim. Perkara ini juga mengundang pelbagai kritikan bukan sahaja terhadap al-Mustadrak, bahkan melibatkan keperibadian dan kredibiliti al-Hakim selaku pengarangnya. Justeru, buku ini bertujuan mengupas pelbagai isu berkaitan konsepsi dan metodologi al-Hakim dalam penerimaan hadis dan sejahar manakah ia diaplikasikan dalam penulisan al-Mustadrak. Di samping itu, perbincangan mengenai biodata dan kredibiliti al-Hakim turut dimuatkan selain penilaian sampel beberapa hadis terpilih yang terdapat dalamnya. Ini bukan sahaja dapat memberikan satu gambaran yang komprehensif mengenai al-Hakim dan karyanya ini, bahkan dapat membuka jalan ke arah memahami dan memanfaatkannya sebagaimana layaknya.




DAKWAH DALAM ERA SIBER DI MALAYSIA

HARGA: RM 30.00
 ISBN: 978-967-5295-40-9

SINOPSIS:

Dakwah kini berada dalam persekitaran baru terutama akibat kemunculan pelbagai teknologi komunikasi yang dikaitkan dengan komputer dan juga satelit. Dalam persekitaran ini, dakwah perlu bergerak dalam kerangka asas atau manhaj rabbani iaitu secara berhikmah, nasihat yang baik dan bermujadalah secara yang terbaik. Fasa-fasa perkembangan dakwah memperlihatkan kedinamikannya terutama dengan memfokuskan kepada membangunkan manusia sebagai khalifah Allah. Dengan kemunculan masyarakat jaringan, netizen, dan perubahan sistem penyampaian dari analog kepada digital, dakwah perlu berhadapan dengan perubahan ruang dan masa serta beberapa nilai baru yang muncul dalam khalayak manusia. Justeru, buku ini mengupas fenomena persekitaran dakwah siber khususnya dalam konteks Malaysia yang sedang menuju kepada sebuah negara maju berdasarkan acuan sendiri. Dakwah Berbantuan Komputer (DBK), laman sesawang, digital Islam serta pembangunan budaya popular Islam antara isu-isu yang dibincangkan. Buku ini sesuai untuk bacaan komuniti institusi pengajian tinggi dan juga masyarakat awam.



Sidang Redaksi **RISALAH USIM**

Penaung

Y.Bhg. Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda
Naib Canselor

Penasihat

Y.Bhg. Profesor Dato' Dr. Mohamed
Asin Dollah
Timbalan Naib Canselor HEP & Alumni

Y.Bhg. Profesor Dr. Musa Ahmad
Timbalan Naib Canselor Akademik &
Antarabangsa

Y.Bhg. Profesor Dr. Bahrom Sanugi
Dekan Penyelidikan dan Inovasi

Y.Brs. En. Muhammad Haizuan Rozali
Pendaftar

Ketua Pengarang

Puan Yusrina Mohd Yunus
Penolong Pendaftar
Unit Komunikasi Korporat

Penolong Ketua Pengarang

En. Mohd Hariri Hj. Mohamad Daud
Penolong Pendaftar
Unit Komunikasi Korporat

Sidang Pengarang

Dr. Asma Abdul Rahman
En. Hisham Taky Eldin Kandil
Pn. Norhana Abdullah
Cik Noor Adibah Mohamad

Wartawan

Pn. Siti Maizatul Akmar Ismail

Fotografi

En. Kamarull Syamzari Kamaruddin
En. Mohd Yusrizal Mohd Yunus
En. Mohd Saepol Marpi

Konsep & Rekabentuk

En. Mohd Saiful Abdul Samad
Cik Wahida Abbas
En. Shahreza Mohameddin

Rekabentuk & Dicetak

Threecomm Design & Media

Penarikan Ketua Pengarang

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnianya, pihak editorial Risalah USIM berjaya menyiapkan risalah ini untuk edisi yang ke 14.

Pelbagai sisipan yang dimuatkan dalam Risalah kali ini merangkumi pengiktirafan, berita siswa, berita semasa, inovasi dan lain-lain adalah merupakan gambaran jelas mengenai aktiviti semasa di USIM selaras dengan perkembangan USIM yang semakin rancak.

Budaya inovasi yang diterapkan telah menjadikan USIM melonjak kehadapan selaras dengan misi USIM yang bertekad menjadi sebuah institusi ilmu yang terkehadapan dalam bidang pengajian Islam yang menggunakan teknologi terkini bagi menyelesaikan isu-isu semasa yang berkaitan dengan masyarakat dan Islam.

Peluang demi peluang yang ada perlu dimanfaatkan oleh kita semua dengan sebaiknya agar apa yang disasarkan dapat dicapai. Marilah kita bersama berdoa agar kita diberikan kesihatan yang baik, tumpuan dan fokus yang tinggi, semangat serta sikap kerajinan dan yang paling penting bersatu hati agar segala perancangan yang telah digariskan dapat kita capai meskipun pelbagai cabaran serta rintangan yang dihadapi. Semoga kita sentiasa beroleh kejayaan, IsyaAllah.

Akhir kata, terima kasih tidak terhingga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan risalah ini dari awal hingga akhir penerbitan. Salam ukhuwwah dan selamat maju jaya.

Sekian, terima kasih dan wassalam

Yusrina Mohd Yunus

Ketua pengarang

Sekapur Sirih Dari Naib Canselor

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, tuhan sekalian alam yang telah mempermudahkan segala urusan dengan kehendak-Nya dan dengan limpah cucuran rahmat, maka penerbitan Risalah USIM kali ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Tahun 2010 merupakan tahun penuh makna kepada Universiti Sains Islam Malaysia yang sudahpun genap 10 tahun mengharungi pelbagai cabaran, rintangan demi mencapai kejayaan dan kecemerlangan pada masa akan datang. Sejarah terus dipahat tahun ini dengan penghormatan dan penganugerahan diberikan kepada beberapa tokoh dan negarawan yang banyak menyumbang intelek dalam arus perdana pengajian tinggi negara khususnya kepada institusi yang berteraskan pengajian Islam. Konvokesyen tahun ini menyaksikan penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah (Kehormat) Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat kepada tokoh yang juga seorang negarawan, YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad. Selain itu, tahun ini juga USIM buat pertama kali dalam sejarah turut menganugerahkan gelaran Profesor Emeritus pertamanya kepada Y.hg. Prof. Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin, Naib Canselor pertama yang memimpin USIM selama 10 tahun sejak penubuhannya.

Dalam mengharungi Rancangan Malaysia Kesepuluh RMK10 USIM terus bertekad untuk lebih cemerlang dalam menyebarluaskan sayapnya terutamanya dalam aspek rangsangan penyelidikan, pengajian program, aktiviti dan seminar bertaraf antarabangsa sehingga kepada tanggungjawab sosial korporat (corporate social responsibility) yang berupaya meningkatkan citra dan imej Universiti ini.

Pelbagai hubungan strategik dibentuk agar dapat memperkasakan Bidang Keberhasilan Utama USIM (USIMKRA) yang dirancang saban tahun dan ianya sedang terus mara merentasi negara-negara benua yang berbeza budaya, agama, bangsa dan adat. Cabaran USIM semakin membara untuk menjadikan institusi ini sebagai sebuah intitusi ilmu yang terkehadapan berteraskan pengajian Islam bagi menyelesaikan isu-isu masyarakat dan Islam. Justeru, aspek intangible seperti keikhlasan, keserasikan dan kesemarakan ilmu yang telah digarap akan menjadi intipati terbaik untuk melaksanakan amanah yang dipikul oleh seluruh warga USIM sebagaimana yang dipertanggungjawabkan oleh agama, masyarakat, bangsa dan negara kepada kita semua.

Akhir kalam, syabas dan tahniah diucapkan kepada mereka yang telah berjaya mengharungi pelbagai cabaran pada tahun 2010 ini. Semoga kecemerlangan institusi ilmu ini dapat diwarisi untuk dekad seterusnya.

Salam hormat.

BERILMU • BERDISIPLIN • BERTAKWA

Yang benar,

PROFESOR DATO' DR. MUHAMAD MUDA

Naib Canselor

Universiti Sains Islam Malaysia



Tun Mahathir Terima Ijazah Kehormat USIM



YABhg Tun Dr. Mahathir Mohamad dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah (Kehormat) Ekonomi & Pentadbiran Muamalat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Anugerah tersebut disampaikan oleh Canselor USIM, Tuanku Naziah Tunku Besar Burhanuddin dalam Majlis Konvokesyen Khas USIM yang diadakan di PICC Putrajaya pada 24 September 2010.

Penganugerahan itu bertujuan mengiktiraf sumbangan beliau terhadap perkembangan ekonomi Islam serta peranannya mengangkat sistem kewangan Islam dipersada antarabangsa disamping meletakkan Malaysia sebagai hab kewangan Islam.

Selain itu, sumbangan Tun dalam bidang pembangunan Islam di Malaysia juga tidak dapat dinafikan. Antaranya Tun Mahathir adalah perintis kepada penubuhan Bank Islam Malaysia, Bank Muamalat Malaysia, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Muzium Kesenian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Atas jasa dan warisan bakti ini, USIM berbesar hati dan mengucapkan jutaan tahniah kepada YABhg Tun atas penganugerah ini.



892 Terima Skrol - Konvokesyen Ke-8 USIM

Oleh : Siti Maizatul Akmar Ismail

Keinginan yang mendalam untuk menjadi wanita Islam moden dalam bidang Pengajian Sunnah telah memberi semangat kepada Saudari Aliya Mohamed Firdous sehingga dinobatkan sebagai penerima Anugerah Pelajaran DiRaja (Pingat Jaya Cemerlang) di Majlis Konvokesyen ke- 8 Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 25 September baru-baru ini.

Graduan yang mengambil jurusan Pengajian Sunnah dengan Penguruan Maklumat ini berasal dari Pulau Pinang dan merupakan puteri sulung daripada 2 orang adik beradik.

"Saya tidak menyangka akan dikurniakan anugerah Pelajaran Di Raja. Apa pun saya sangat bersyukur dan berjanji akan terus memberikan yang terbaik," tambah Aliya lagi.

Selain itu, Saudari Nik Nora Asmira Nik Lah pelajar jurusan Kaunseling turut menerima anugerah yang sama dan masing-masing menerima wang tunai RM 5000, medal emas Pingat Jaya Cemerlang dan Watikah Anugerah.

Nik Nora Asmira yang berasal dari Kelantan berkata, kejayaan yang dinikmatinya merupakan hasil kerja keras beliau yang belajar bersungguh-sungguh selama ini. Pada tahun ini, seramai 892 graduan menerima ijazah mereka dalam pelbagai bidang pengajian termasuk graduan siswazah. Majlis konvokesyen kali ini didahului dengan Majlis Konvokesyen Khas Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Ekonomi dan Muamalat) kepada Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad Mantan Perdana Menteri Malaysia yang bertanggung jawab meluluskan penubuhan universiti ini.

Ia merupakan tahun bersejarah bagi USIM kerana buat pertama kali telah dapat menganugerahkan Ijazah Doktor Kehormat yang pertama, dan lebih berasa bertuah dan berbangga, adalah kerana penerimanya adalah seorang negarawan yang terkenal dan tidak asing lagi iaitu Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad, Mantan Perdana Menteri, Malaysia.

Majlis konvokesyen kali ini juga menyaksikan penganugerahan gelaran Profesor Emeritus yang pertama kepada Yang Berbahagia Prof. Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin, Mantan Naib Canselor USIM dan anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah kepada seorang lagi tokoh terkemuka dari luar negara.



Penerima Anugerah Pelajaran Di Raja

7,000 Hadiri Syarahan Perdana Tun Mahathir Di USIM

Oleh : Mohd Hariri Hj Mohamad Daud



Naib Canselor USIM menyampaikan cenderahati kepada Tun Mahathir

Lebih 7,000 termasuk tetamu kehormat, pelajar, pensyarah, kakitangan USIM dan masyarakat setempat hadir menenuhi Stadium Tertutup Nilai untuk mendengar Syarahan Perdana Tun Dr. Mahathir Mohamad yang berlangsung pada 9 Ogos 2010.

Suasana dewan yang penuh sesak dengan penonton terutamanya mahasiswa-mahasiswi yang sejak awal jam 8.30 pagi lagi sudah membanjiri Stadium Tertutup Nilai untuk bertemu dan bersalam dengan Tokoh Negarawan ini.

Tun Mahathir dengan penuh mesra bersalaman dan melambai-lambai tangan kepada pelajar yang berada di bahagian atas tempat duduk sambil disambut oleh ribuan pelajar USIM.

Pidato selama 1 jam 15 minit yang disampaikan oleh Tun Mahathir di atas tajuk "Institusi Pengajian Tinggi Berteraskan Ilmu Islam : Antara realiti dan Cabaran Masa Depan" menggambarkan bahawa idea dan buah fikiran Tun tidak dimamah usia.

Tun Dr Mahathir memulakan syarahan beliau dengan mengungkapkan definisi Ilmu Islam berdasarkan ayat pertama turunnya Al-Quran kepada Nabi Muhammad S.A.W iaitu kalimah Iqra' Sejarah Islam dibedah oleh Tun dengan menceritakan kehebatan



Tun Mahathir bersalaman dengan para pelajar

tamadun Islam telah menggunakan ilmu untuk menguasai dunia seterusnya mencetuskan tamadun unggul hingga terbinanya Baitul Hikmah.

Tun menyatakan bahawa "Ilmu Islam bukan hanya terhad kepada ilmu akar Islam iaitu Syariah, Usuluddin namun lebih daripada itu iaitu termasuk ilmu sains, perubatan, pertahanan, undang-undang dan sebagainya. Ilmu-ilmu ini harus dikuasai oleh umat Islam dalam menjaga keselamatan dan kesihatan umat Islam seluruh dunia."

Syarahan Tun Dr Mahathir Mohamad yang julung-julung kalinya diadakan di USIM bersempena dengan sambutan 10 Tahun USIM. Tidak ketinggalan dalam syarahan ini yang turut hadir ialah Mantan Menteri di jabatan Perdana Menteri Y.Bhg Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman, Naib Canselor Y.Bhg Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda, Ahli Lembaga pengarah USIM dan tetamu kehormat USIM.



USIM Anugerah Gelaran Profesor Emeritus Pertama



P utrajaya, 25 September 2010 – Universiti Sains Islam Malaysia Melakar Kegemilangannya Apabila Berjaya Menganugerahkan Gelaran Profesor Emeritus Yang Pertama Kepada Y.Bhg. Prof.Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin, Mantan Naib Canselor Usim.


Beliau Telah Diamanahkan Menerajui Usim Pada 1 Diember 1999 Sebagai Naib Canselor Pertama. Selama 10 Tahun Menerajui Usim, Hasrat Beliau Untuk Melahirkan Sebuah Puat Pengajian Yang Berpendidikan Bersepada Telah Terserlah Dengan Penubuhan Lapan Fakulti, Dua Institut Dan Tiga Pusat Tamhidi.

Selepas Menamatkan Khidmat Sebagai Naib Canselor Usim, Khidmat Beliau Terus Diperlukan. Pada Masa Ini, Abdul Shukor Mengetuai Institut Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (Infad) Di Samping Tugas Beliau Sebagai Pengurus Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan Di Bawah Majlis Raja-raja.

Dalam Bidang Akademik Pula, Prof.Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Sering Dilantik Sebagai Profesor Madya Di Beberapa Universiti Tempatan Dan Luar Negara. Menjadi Penilai Luar Kepada Tesis Master Dan Phd Di Beberapa Pusat Di Institusi Pengajian Tinggi Awam Tempatan.

Khidmat Beliau Kepada Negara Dan Agama Yang Tidak Mengenal Erti Penat Dan Lelah, Disiplin Serta Komitmen Yang Tinggi Terhadap Kejayaan Dan Kecemerlangan Amatlah Disanjungi Dan Ini Membuktikan Keperibadian Beliau Yang Mulia.

“
Khidmat beliau kepada Negara dan agama yang tidak mengenal erti penat dan lelah, disiplin serta komitmen yang tinggi terhadap kejayaan dan kecemerlangan amatlah disanjungi dan ini membuktikan keperibadian beliau yang mulia. **”**



Staff Academic Highlights

Y. Bhg. Prof. Dr. Musa Ahmad

By : Hisham Taky Eldin Kandil

"Who would fill the post of Deputy Vice Chancellor for Academic Affairs?" was the question being repeatedly murmured by various USIM members of staff after Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda vacated that position when he was promoted to become the Vice Chancellor of USIM in late 2009. The question was the topic of many a conversation among USIM staff during lunch and tea breaks or before meetings officially started or after they officially ended. Some said that the person who would take up that position would probably come from another institution outside of USIM. Others contended that he could be chosen from among the senior academic staff of the university.

Apparently those who held the former view were right because a National University of Malaysia (UKM) professor of chemistry was finally selected to hold the portfolio of Deputy Vice Chancellor for Academic & International Affairs with effect from May 15, 2010. His name was Prof. Dr. Musa Ahmad. In the few paragraphs that ensue, spotlights will focus on some of the major aspects of Prof. Musa's academic career.

Early Career & Education

A young Musa Ahmad began his professional career as a tutor in April 1986 after completing his bachelor's degree in Chemistry at UKM with first class honors. A year and some months later, he was promoted to the position of lecturer after successfully obtaining his Master's degree in Instrumentation & Analytical Science from the University of Manchester Institute of Science & Technology (UMIST) of England in 1987.

En. Musa began lecturing at the Faculty of Science & Technology (FST) of UKM in December 1987 and took a study leave beginning in 1991 to pursue a doctorate degree also at UMIST. In 1994, he finished his Ph.D studies in Optical Chemical Sensors and returned to Malaysia to resume his duties as a lecturer at FST of UKM.

After being a lecturer for 10 years, Dr. Musa received a new year's gift in January 1998 by being made an Associate Professor. Four years later he was appointed the Head of the Chemistry Program at UKM's FST, an administrative position that he held for nearly three years. While being the Head of Chemistry, he was also appointed the Chairman of the Chemical Science & Food Technology Studies Center (PPSKTM) of UKM in November 2004, and he continued to chair this center until July of 2007. In August 2005, Associate Prof. Dr. Musa became a professor.

Prof. Dr. Musa ended his chairmanship of PPSKTM in July 2007 in order to devote time to his duties as the new Deputy Dean for Undergraduates, Alumni & Community Relations at FST, a post he held for a year and a half. In December 2008 he became the Dean of UKM's FST and he remained as Dean until he joined USIM in May 2010.

Teaching, Research & Supervision

As an academician, Prof. Musa has a remarkable record in teaching, supervision, publication, research, and consultancy. He has taught both undergraduate and graduate students mainly in the field of Analytical Chemistry. In October 2004 he was presented with an Excellent Teaching Award from UKM. In addition, he has supervised some 20 Ph.D dissertations and 40 Master's theses.

Prof. Musa has published more than 150 research studies in the form of books, journal articles, and conference proceedings. His research is mainly focused on Optical Chemical Sensors. Some of the journals which had accepted his articles for publication include "Analytical Science", "Sains Malaysiana", and "Sensors".

The findings from his research has won him some 20 awards, including a gold medal at the 19th International Invention, Innovation, Industrial Design & Technology Exhibition (I-TEX), which was held in 2008 in Kuala Lumpur, for inventing a highly sensitive biosensor for rapid evaluation of heavy metal and pesticide toxicity in water. Two other gold medals were won by him at I-TEX 2007 in Kuala Lumpur and the International Invention Exhibition of Geneva, Switzerland, in 2005.



“ Prof. Musa has published more than 150 research studies in the form of books, journal articles, and conference proceedings. His research is mainly focused on Optical Chemical Sensors. Some of the journals which had accepted his articles for publication include "Analytical Science", "Sains Malaysiana", and "Sensors". ”

Consultancy & Keynote Speeches

Prof. Musa's consultancy activities range from being Head Examiner for the Matriculation Certificate in Chemistry at the Ministry of Education and Head Examiner for the Higher School Certificate (SPM) at the Malaysian Examinations Council to being the Curriculum Advisor to the Chemistry Program at the Faculty of Science of the Technology University of Malaysia (UTM) in Skudai, Johor.

Prof. Musa has been invited to give a number of plenary lectures and keynote speeches at several conferences organized by various universities, both locally and overseas. Among those international conferences was the International Seminar on Food & Agricultural Sciences which was organized by the University of Andalas, Indonesia, in February 2010. Other conferences that he was invited to speak at include the International Seminar on Chemistry, which was organized by Universitas Sumatera Utara, Indonesia, in May 2008 and the Asian Conference of Sensors, which was organized by the University of Santo Tomas in the Philippines in June 2007.

Appearance on TV

Prof. Musa has also been featured in the Malaysian mass media. Two feature articles written on results of his research on a kit that measures the degree of the "hot" factor in chilli peppers and on a kit that detects poisonous materials in vegetables were published in "Utusan Malaysia" daily newspaper in 2004. In addition, Prof. Musa appeared in both "Selamat Pagi Malaysia" of TV1 and "Majallah 3" of TV3 in 2003 and 2002 respectively.

Upon embarking on his duties as the new Deputy Vice Chancellor for Academic & International Affairs at USIM, Prof. Musa made it a point to get to know USIM's various faculties and academic centers by paying visits to the premises of these faculties and centers in order to meet up and have face-to-face introductions and discussions with their staff.

The university community and the editorial staff of "Risalah USIM" wish Y. Bhg. Prof. Dr. Musa Ahmad a pleasant and productive career at USIM.

Debat Bahasa Arab Di Naik Taraf Piala Di Raja

Oleh : Mohd Hariri Hj. Mohamad Daud

Buat kali ketiga Universiti Sains Islam Malaysia bekerjasama dengan Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia menganjurkan Pertandingan Debat Bahasa Arab Antara Sekolah Menengah Peringkat Kebangsaan Kali Ketiga 2010. Pertandingan yang berlangsung selama 5 hari bermula 25 hingga 29 Jun 2010 ini melibatkan penyertaan daripada 40 buah sekolah yang terdiri daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan Kelas Aliran Agama (KAA) di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.

KISAS telah diumumkan sebagai Johan sekaligus membawa pulang Piala Pusingan buat kali ketiga berturut-turut. KISAS selaku Johan telah membawa pulang Piala Pusingan, wang tunai RM 2000, piala iringan sekolah, piala iringan pendebat, langganan majalah E@siswa dan Fokus SPM selama setahun sumbangan Karangkraf berserta sijil penyertaan.

Manakala SMKA Naim Lil Banat yang hanya mampu berpuas hati selaku Naib Johan membawa pulang wang tunai RM

1,000, piala iringan sekolah, piala iringan pendebat, langganan majalah E@Siswa dan Fokus SPM selama 6 bulan sumbangan Karangkraf berserta sijil penyertaan. Saudari Tasneem binti Mohamad Taha dari SMKA Naim Lil Banat telah dinobatkan sebagai Pendebat Terbaik dan beliau membawa pulang wang tunai RM 500, piala iringan pendebat berserta sijil penyertaan.

Selain itu, pasukan dari SM Imtiaz Dungun dan SAMT Sultan Hisamuddin Klang yang diumumkan sebagai pemenang tempat ketiga telah membawa pulang wang tunai RM 600, piala iringan sekolah, piala iringan

pendebat, langganan majalah E@Siswa dan Fokus SPM selama 3 bulan sumbangan Karangkraf berserta sijil penyertaan.

Hadiyah telah disampaikan oleh Y. Bhg. Dato' Hajah Noor Rezan Bapoo Hashim, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Operasi Pendidikan), Kementerian Pelajaran Malaysia. Turut hadir Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) USIM dan Tuan Haji Abd. Rashid Ngah, Pengarah Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia.



Majlis perasmian oleh Dato' Hajah Noor Rezan Bapoo Hashim

Forum Rancangan Malaysia Ke-sepuluh (RMK-10)

Oleh : Siti Maizatul Akmar Ismail

Selaras dengan Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMK-10) yang diumumkan oleh kerajaan baru-baru ini, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di bawah anjuran Pusat Perancangan Korporat dan Pengurusan Kualiti telah mengadakan Forum RMK-10 Dalam Konteks Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Ahli-ahli panel terdiri dari Y.Bhg. Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda Naib Canselor USIM, Y.Bhg. Profesor Nor Ghani Md Nor Pensyarah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan En. Mustafa Mohd Noor, Ketua Bahagian Penyelidikan Permodalan Nasional Bhd (PNB). Manakala moderator adalah Y.Bhg. Profesor Dr. Hajah Mustafa Mohd Hanefah, Dekan Fakulti Ekonomi dan Muamalat USIM.

Bagi Y.Bhg. Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda, mengikut kajian hampir 40% penduduk Malaysia berada dibawah pendapatan yang rendah dan fokus kerajaan adalah untuk menaik taraf kehidupan rakyat dalam RMK-15.

"Dari segi sumber ekonomi, dewasa ini tanah semakin tidak mencukupi untuk penanaman pokok kelapa. Justeru itu rakyat perlu kreatif dan inovatif memikirkan cara pemprosesan sumber buah kelapa yang berkesan dalam meningkatkan pendapatan ekonomi," tambah Muhamad Muda lagi.

“Dari segi sumber ekonomi, dewasa ini tanah semakin tidak mencukupi untuk penanaman pokok kelapa. Justeru itu rakyat perlu kreatif dan inovatif memikirkan cara pemprosesan sumber buah kelapa yang berkesan dalam meningkatkan pendapatan ekonomi,” tambah Muhamad Muda lagi. **”**



Be Grateful for Blessings of Independence

— Vice Chancellor

By : Siti Maizatul Akmar

On the occasion of the 53rd Day of Independence, the Islamic Science University of Malaysia (USIM) launched its Independence Month celebrations on Aug. 20, 2010 at the Nilam Court Residential College of USIM in Nilai. The launching ceremony was officiated by Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda, the Vice Chancellor of the university.

The celebrations of Independence Month have become an annual program at USIM which aim at instilling the spirit of patriotism among the staff and students of the university. In addition, the program hopes to create awareness and understanding, as well as strengthen and plant the spirit of patriotism specifically among the students who are being trained to become highly-ethical leaders of the future.

"The independence that we are savoring now did not just (automatically) unfold, but it came with tireless efforts from those who had striven to make it happen and by Allah's grace," said the Vice Chancellor in his speech at the launching ceremony. Therefore, the post-Independence generation should always be grateful for the blessings of Independence and should exert an effort to upkeep this Independence, he advised his audience.



Apart from the celebrations at Nilam Court, the Deputy Vice Chancellor for Academic & International Affairs, Y. Bhg. Prof. Dr. Musa Ahmad, launched the Independence Month ceremony at the Pandan Indah campus of USIM located in Kuala Lumpur.

Taking into consideration that the Independence celebrations this year fall within the fasting month of Ramadan, the ceremonies in both campuses included a breaking of the fast meal and the performance of the Tarawih congregational prayers.

Also included in the program was an Independence "tazkirah" which was delivered by the Exco of the Student Representative Council and a "gotong royong" activity which involved the staff of the USIM Security Division cooking "bubur lambuk", a spicy and delicious porridge that is popular during the fasting month. Porridge portions were distributed to all staff and students of USIM beginning at 6:00 pm on that day.



Collaboration Between Universities, Industry Players And Society Produce Highly-skilled Workforce

By : Siti Maizatul Akmar

In encouraging and strengthening cooperation and a closer network between universities, industrial players and society, the Ministry of Higher Education has laid down seven frameworks aimed at producing more knowledgeable and highly-skilled workers.

The frameworks consist of the cluster approach, industrial training at high-end levels, rates and procurement of expert consultants, the academic recognition and reward system, the branding and marketing of expertise, research and products by universities, as well as collaborative programmes for the transfer of knowledge.

In view of the above, a memorandum of understanding (MOU) was entered into between several universities, industrial players and representatives of the society, including University Sains Islam Malaysia which was represented by its Vice Chancellor, Professor Dato' Dr. Muhammad Muda.

The signing ceremony was officiated by YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Minister of Higher Education Malaysia on July 19 at Putrajaya. He also launched the "Pelan Pengukuhan Kerjasama Universiti, Industri dan Masyarakat".



In his speech, the Minister said that that close relationships between universities, industrial players and society would widen and increase the scope of knowledge and transformation in generating new products, processes and services that are beneficial for local and global markets. In addition, this collaboration would also generate income from the royalties obtained from commercial products which will contribute towards the growth of the economy.



Konsert Demimu Al-Aqsa Kenang Nasib Rakyat Palestin



Lebih 3,500 warga Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah hadir ke konsert Demimu Al-Aqsa pada 17 Julai 2010 yang lalu bertempat di Stadium Tertutup Nilai, Negeri Sembilan. Konsert ini berjaya menzahirkan kesedaran Ummah tentang isu Palestin terutamanya bagi membebaskan Masjid Al-Aqsa dari tangan rejim Zionis Israel.

Konsert ini merupakan projek kerjasama sulung Persatuan Pegawai Tadbir Dan Ikhtisas USIM (PRAGMATIS) dengan badan

di luar seperti AMAN Palestin, Persatuan Belia Islam Nasional (PEMBINA), ISMA, KRISS, CELCOM dan pelbagai agensi dan pertubuhan lain.

Antara pengisian konsert ini adalah persembahan nasyid dari Malaysia yang tidak asing lagi seperti MESTICA dan DAIE. Turut dipersembahkan adalah gabungan lakonan dan nyanyian Kumpulan Nasyid Pelajar USIM, INTRACKSEE dan kumpulan teater kakitangan USIM. Selain itu, warga USIM turut diperdengarkan deklamasi sajak oleh Dr. Lim Swee Tim dan saudari Nisah Haron serta pidato Palestin yang disampaikan oleh saudara aizul Azizi Zaman selaku Presiden PEMBINA. Turut diadakan kempen dan kutipan derma anjuran AMAN Palestin untuk membela nasib saudara dan keluarga di Palestin.



“Lebih 3,500 warga Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah hadir ke konsert Demimu Al-Aqsa pada 17 Julai 2010 yang lalu bertempat di Stadium Tertutup Nilai, Negeri Sembilan”

Negeri Sembilan Sumbang Tabung Pengantarabangsaan USIM

Oleh : Siti Maizatul Akmar Ismail



“ Mahasiswa perlu bersedia lebih awal dalam menghadapi era globalisasi dan liberasi yang merupakan zaman mencabar yang perlu dihadapi oleh mahasiswa sama ada semasa berada di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mahupun di alam pekerjaan **”**

Seramai 1528 pelajar baru Sarjana Muda telah mendaftar di kampus Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bagi sesi pengajian akademik 2010/2011. Pendaftaran pelajar baru telah diadakan pada 3 Julai yang lalu bertempat di Stadium Tertutup Nilai.

Acara kemuncak untuk pelajar baru adalah Majlis Amanat dan Lafaz Ikram pelajar baru yang dirasmikan oleh Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Utama Haji Mohamad Haji Hasan.

"Mahasiswa perlu bersedia lebih awal dalam menghadapi era globalisasi dan liberasi yang merupakan zaman mencabar yang perlu dihadapi oleh mahasiswa sama ada semasa berada di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mahupun di alam pekerjaan" ucap beliau di Majlis Amanat dan Lafaz ikram pelajar baru.

YAB Dato' Seri Utama Haji Mohamad Haji Hasan turut mengumumkan pemberian wakaf sebanyak RM100,000 untuk tabung pengantarabangsaan mahasiswa USIM.



18 ANAK YATIM DAN MISKIN TERIMA DUIT RAYA DARI BKKUSIM

Oleh : Siti Maizatul Akmar Ismail

Kira-kira 18 orang anak yatim dan miskin dari Taman Baiduri, Dengkil Selangor menerima sumbangan makanan, pakaian dan duit raya sempena program ziarah dan penyampaian sumbangan aidilfitri anjuran Badan Kebajikan Kakitangan Universiti Sains Islam Malaysia (BKKUSIM) pada 4 september yang lalu.

Pengerusi BKKUSIM, En. Nur Ekmal Buhary berkata, program ziarah ini bertujuan untuk melihat sendiri kehidupan anak-anak yatim dan miskin di samping menyampaikan sedikit sumbangan sebagai ingatan dan kasih sayang dari USIM kepada mereka.

"Mungkin sumbangan yang diberikan oleh kami ini tidak seberapa tetapi mempunyai erti yang besar bagi anak-anak yatim dan miskin Taman Baiduri. Saya berharap dengan sumbangan ini dapatlah kiranya anak-anak ini menyambut aidilfitri dengan sempurna dan gembira," tambah Ekmal lagi

Menurut En. Mohd Shukry Md Latar selaku pengurus rumah tersebut berkata, rumah Anak-Anak Yatim/Miskin Taman Baiduri telah dibuka pada 15 Mac 2009 di sebuah kediaman yang diwakafkan khusus untuk anak-anak yatim dan miskin lelaki.

"Rumah ini bertujuan membantu anak-anak yatim dan miskin lelaki yang terbiar, tiada tempat tinggal, tiada waris yang sudi menjaga, tercincir dari alam persekolahan serta buta huruf dan mendapat jagaan yang sempurna terutama dari segi pendidikan, tempat tinggal, makanan dan pakaian," tambah Shukry lagi.

"Anak-anak ibu tunggal yang memerlukan jagaan sementara kerana kematian bapa atau perceraian, adik-beradik ramai, ibu berpenyakit kronik dan hidup dalam kemiskinan juga diberi perhatian oleh rumah ini," katanya.

Penghuni rumah ini bermula dengan 7 orang anak-anak yatim dan miskin sehinggalah mencecah 18 orang. Mereka datang dari pelbagai negeri dan negara seperti Kedah, Negeri Sembilan, Selangor, Thailand dan Aceh.



Beramah mesra bersama anak-anak yatim.



Sumbangan duit raya



BKKUSIM bergambar bersama anak-anak yatim

Program ziarah ini bertujuan untuk melihat sendiri kehidupan anak-anak yatim dan miskin di samping menyampaikan sedikit sumbangan sebagai ingatan dan kasih sayang dari USIM kepada mereka.

Lensa USIM





Pasukan Quran dan Sunnah USIM Raih Emas di Pertandingan Inovasi NRIC 2010

Baru-baru ini, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah menghantar 4 pasukan dikalangan mahasiswa ke National Research and Innovation Competition 2010 (NRIC 2010) di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang pada 25 hingga 29 Mei 2010. Penganjuran NRIC 2010 bertemakan Continuous Innovation for Tomorrow's Sustainability ini ternyata meriah dan hebat dengan penyertaan Institut Pengajian Tinggi, pihak agensi dan industri serta sokongan dan kerjasama daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Motorola Technology Sdn. Bhd. Majlis perasmian pembukaan NRIC 2010 ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Saifuddin Abdullah, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia.

Mahasiswa USIM tersebut merupakan mahasiswa tahun akhir daripada Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) dan Fakulti Sains dan Teknologi (FST). Produk-produk ini merupakan hasil daripada kajian ilmiah semester akhir di USIM dan telah diberi kepercayaan oleh pihak fakulti untuk dipertandingkan di NRIC 2010 kali ini. Antara produk daripada FST ialah Active and Stable Enzyme Produced Via Immobilization Onto Low Cost Support Materials (Enzyme Lipase), Probiotic and γ -Aminobutyric Acid Producing Lactid Acid Bacteria From Cocoa Beans (GABA), MoDe-Sys: Motion Detection For Security. Sementara itu, FPQS julung-julung kalinya menyertai NRIC 2010 ini telah menghantar produk Electronic Manuscript (e-Manuscript).

Majlis perasmian penutupan NRIC 2010 menyaksikan USIM berjaya merangkul Medal Emas kategori Social Transformation and Creative Art dan Social Impact Policy Award bagi produk e-Manuscript serta Medal Gangsa kategori Life Sciences bagi produk GABA yang mana telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), USM. Kejayaan ini merupakan satu pengiktirafan terbaik buat warga USIM secara umumnya.



Pasukan e-Manuscript Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah mempamerkan medal dan mock cek yang dimenangi

Graduan Holistik Lahir Dari Sistem Universiti Yang Baik

Oleh : Siti Maizatul Akmar Ismail



Perasmian oleh YB Senator Dato' Dr. Mashitah Ibrahim

"Institut Pengajian Tinggi perlu ada sistem yang dapat mendorong kepada pembentukan graduan yang holistik dan marketable supaya dapat bersaing di arena pasaran terutamanya kepada graduan berkelulusan pengajian Islam", kata YB Senator Dato' Dr. Mashitah Ibrahim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri semasa merasmikan Seminar Pengajian Islam Menjana Keintelektualan Ummah (PIMKU) 2010 di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Hampir 300 peserta dari Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta telah menyertai seminar ini seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) dan Kolej Universiti Sunway. Sebanyak 80 kertas kerja telah dibentangkan dalam seminar yang berlangsung pada 23 hingga 25 Jun 2010.

“
Institut Pengajian Tinggi perlu ada sistem yang dapat mendorong kepada pembentukan graduan yang holistik dan marketable supaya dapat bersaing di arena pasaran terutamanya kepada graduan berkelulusan pengajian Islam **”**

Antara objektif seminar ini adalah untuk meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap peranan Pengajian Islam, penggunaan Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris selaras dengan kehendak kurikulum, mengenalpasti kaedah pengukuran dan pentaksiran Pengajian Islam, Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris yang autentik menepati matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan serta menangani isu dan cabaran berkaitan penilaian dan pentaksiran secara formatif dan sumatif.



Radio USIM

Cari Bakat Baru

Oleh : Siti Maizatul Akmar Ismail



Hampir 50 pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menyertai program pencarian juruhebah radio USIM pada 19 Ogos 2010. Pencarian ini bertujuan untuk mencari bakat-bakat baru disamping menjadi platform buat pelajar-pelajar dalam mempamerkan bakat mereka sebagai juruhebah.

Radio USIM merupakan satu-satunya stesen radio yang terdapat di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang bernaung dibawah Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP). Radio USIM beroperasi dari jam 9.00 pagi sehingga 5.00 petang.

Sebelum ini stesen radio USIM ini telah beroperasi secara percubaan dari bulan Januari 2009. Kini, stesen radio kampus ini telah menjadi stesen radio digital tercanggih di kalangan IPTA/IPTS. Membawakan liputan langsung secara online streaming menerusi [Http://radio.usim.edu.my](http://radio.usim.edu.my) dan menawarkan beberapa bentuk program serta wawancara secara interaktif kepada pendengar. Ia juga menampilkan ulasan berita utama mengenai USIM serta hebahan terkini kepada warga USIM.

“ Sebelum ini stesen radio USIM ini telah beroperasi secara percubaan dari bulan Januari 2009. Kini, stesen radio kampus ini telah menjadi stesen radio digital tercanggih di kalangan IPTA/IPTS. ”





Minggu Taaruf Pelajar Baru Sesi 2010/2011

Oleh : Siti Maizatul Akmar Ismail

“Penekanan diberi kepada penguasaan bahasa Arab dan bahasa Inggeris serta kemahiran ilmu teknologi maklumat, pengurusan serta kemahiran insaniah menjadikan pendekatan USIM lebih unik dan terkehadapan..”



Seperti tahun-tahun yang lepas Universiti Sains Islam Malaysia telah menerima sejumlah pelajar baru Sarjana Muda untuk sesi 2010/2011. Pendaftaran pelajar baru telah diadakan pada 3 Julai yang lalu bertempat di Stadium Tertutup Nilai, Negeri Sembilan.

Pada tahun ini, USIM bakal menerima kehadiran pelajar baru Sarjana Muda seramai 1875 orang dengan pecahan 588 pelajar lelaki dan 1287 pelajar perempuan. Sebanyak 24 program Sarjana Muda daripada 8 buah fakulti telah ditawarkan oleh USIM.

Program yang ditawarkan oleh USIM merentasi semua cabang ilmu pengetahuan yang berteraskan penyelidikan. Pelaksanaan program akademik khususnya pengajaran dan pembelajaran yang diintegrasikan dengan aktiviti penyelidikan mampu melahirkan profesional Muslim dan Ulama' tersohor.

Penekanan diberi kepada penguasaan bahasa Arab dan bahasa Inggeris serta kemahiran ilmu teknologi maklumat, pengurusan serta kemahiran insaniah menjadikan pendekatan USIM lebih unik dan terkehadapan.

Antara acara kemuncak untuk pelajar baru adalah Majlis Amanat dan lafaz ikrar pelajar baru. Majlis lafaz ikrar adalah kemuncak bagi pelajar-pelajar yang baru menjepakkan kaki ke Universiti. Inilah saat dan ketikanya yang paling penting iaitu bagi mereka melafazkan ikrar sebagai warga pelajar baharu Universiti ini di hadapan YAB Menteri Besar Negeri Sembilan, Naib Canselor serta Pengurusan Tertinggi Universiti.



Seminar Skor 'A' Bantu Pelajar Cipta Kejayaan

Oleh : Siti Maizatul Akmar Ismail

"Peranan dan tanggungjawab sesebuah universiti tidak terhad kepada menyalurkan ilmu kepada mahasiswa-mahasiswa mereka sendiri namun tanggungjawab terhadap pembangunan akademik masyarakat setempat juga perlu ditekankan dan diambil kira," ucap Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah.

Justeru itu, Kelab Pembimbing Rakan Universiti (PRU) dengan kerjasama Unit Psikologi Kaunseling dan Kerjaya (UPKK) USIM telah menjayakan Program Motivasi Kecemerlangan Diri & Seminar skor 'A' Pelajar PMR 2010 (PERKASA).

"Seramai 143 pelajar tingkatan 3 dari 4 buah sekolah sekitar Negeri Sembilan dipilih untuk menyertai program ini, iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Pedas, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Hj Ahmad

Said, Sekolah Menengah Agama Nilai dan Sekolah Menengah Agama Rantau," kata Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah.

Antara pengisian program ini adalah sesi ceramah bagi matapelajaran Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris. Penceramah terdiri daripada guru-guru yang pakar dan mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang masing-masing. Selain itu sesi motivasi dari En. Ahmad Subhi Che Ab Razab yang merupakan kaunselor terlatih bertujuan untuk menyuntik semangat dan keyakinan diri para pelajar.



Perasmian oleh Timb Naib Canselor,
Prof. Dato' Dr. Asin Dollah

“Peranan dan tanggungjawab sesebuah universiti tidak terhad kepada menyalurkan ilmu kepada mahasiswa-mahasiswa mereka sendiri namun tanggungjawab terhadap pembangunan akademik masyarakat setempat juga perlu ditekankan dan diambil kira **”**

Y.Bhg. Prof. Dato'
Dr. Mohamed Asin Dollah.



Pelajar Sekolah Yang menyertai Seminar Skor A

BUBUR LAMBUK USIM DAPAT SAMBUTAN

Oleh : Siti Maizatul Akmar Ismail

Para pelajar dan kakitangan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) tidak melepaskan peluang menikmati keenakan bubur lambuk apabila sebanyak 5 kawah bubur lambuk diagihihkan di perkarangan Kolej Kediaman Nilam Court USIM pada 20 Ogos yang lalu.

Walaupun memasak bubur lambuk merupakan aktiviti biasa di bulan ramadhan bagi sebahagian masyarakat kita, namun aktiviti ini memberi makna yang besar kepada kakitangan Bahagian Keselamatan USIM.

Ini kerana selain dapat mengukuhkan hubungan silaturrahim antara warga kerja USIM dan masyarakat luar, ia juga memberi peluang mengenali cara memasak hidangan ini.

Aktiviti itu melibatkan semua kakitangan Bahagian Keselamatan dengan kerjasama AJK Masjid Batang Benar, Negeri Sembilan.

Menu istimewa yang menjadi hidangan setiap bulan Ramadhan itu disediakan seawal pagi dan diedarkan kepada semua pelajar dan kakitangan USIM bermula pukul 6.00 petang.

Menurut Bahagian Keselamatan USIM, selain menghormati bulan Ramadhan sebagai bulan yang mulia, umat Islam digalakkan bersedakah di samping dapat mengeratkan silaturrahim antara satu sama lain. Justeru itu Bahagian Keselamatan USIM mengambil inisiatif untuk sama-sama bersedekah dan mendapat keberkatan di bulan yang mulia ini.

Hasil Menurut

Bahagian Keselamatan

USIM, selain menghormati bulan Ramadhan sebagai bulan yang mulia, umat Islam digalakkan bersedakah di samping dapat mengeratkan silaturrahim antara satu sama lain.



Antara staff yang terlibat menyediakan bubur lambuk

Sunnah Nabawiyyah Sumber Informasi Dan Asas Perpaduan

Oleh : Siti Maizatul Akmar Ismail



Perasmian oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Hj. Baharom (B)

Al-Quran merupakan sumber utama bidang keilmuan dan perpaduan ummah khususnya bagi umat Islam. Manakala Sunnah Nabawiyyah berperanan sebagai petunjuk dalam memahami isi kandungan Al-Quran dan panduan dalam menjalani kehidupan sehari-hari.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Hj. Baharom (B) berkata, dewasa ini banyak cabaran yang memecahkan serta meretakkan keutuhan kesatuan umat Islam yang sekaligus mendesak umat Islam kembali ke pangkal jalan dengan memahami isi kandungan Al-Quran dan Sunnah.

"Saya berharap agar hasil pembentangan dari seminar ini dapat digarap dalam bentuk praktikal dan diaplikasi di Malaysia pada masa akan datang."

Beliau berkata demikian selepas

merasmikan Seminar Warisan Nabawi 2010 anjuran Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Seminar dua hari yang bermula pada 28 hingga 29 Julai ini merupakan kali ke-2 dianjurkan dan bertemakan "Sunnah : Sumber Informasi dan asas Perpaduan".

Sebanyak 110 kertas kerja dibentangkan dan para peserta terdiri dari dalam dan luar Negara antaranya Dr Muhammad Taufik Ramadhan Al-Buti, Profesor Dr Abdul Jaber Thabit Faraq, Prof Dato Dr Raja Abdullah Raya Yaacob dan sebagainya.

Disamping USIM selaku pengajur seminar, beberapa NGO dan badan kerajaan turut sama menaja Seminar kali ke-3 ini antaranya Yayasan Taqwa, Institut Kajian Hadith, Majlis Ugama Islam Pahang dan Majlis Ugama Islam Negeri Sembilan.

“...dewasa ini banyak cabaran yang memecahkan serta meretakkan keutuhan kesatuan umat Islam yang sekaligus mendesak umat Islam kembali ke pangkal jalan dengan memahami isi kandungan Al-Quran dan Sunnah..”

”



8th C-FEST Increasingly Cheerful

By : Siti Maizatul Akmar



As in previous years, the Student Representative Council of the Islamic Science University of Malaysia (USIM) organized what has now become an annual tradition, that is the Convocation Fest (C-FEST), and this year marked the eighth time this event is held.

This year's C-FEST took place from Sept. 20 until 26, 2010, at the Nilai Indoor Stadium, which is located just outside the USIM campus in Nilai, Negeri Sembilan. This C-FEST was organized by the Secretariat of the Vice-President of the Student Representative Council with the cooperation of other USIM student bodies.

Nearly 20 exhibition and sales stalls were open throughout the duration of C-FEST. A total of 14 governmental and private sector agencies also participated, including the Royal Malaysian Police (PDRM), the Pilgrims' Fund Board (LUTH), the Johor Corporation, KFC Holdings, and others.

According to Br. Abdullah Long, program director of the 8th C-FEST, the fest secretariat provided sales and corporate booths this year. Cooperation from corporate bodies through their participation is quite important for C-FEST to ensure an increased response

from the public and to improve the image of the university, he explained. The Pilgrims' Fund opened registration for the Taha@U Club to facilitate the opening of Hajj accounts among USIM's undergraduate students, he said by way of an example.

Among the attractive activities during C-FEST were the Entrepreneurs' Operations Seminar, the Malaysian Universities' "Dikir Barat" Competition, Prime Forum, Jerusalem Remembrance Night, Hajat Prime Prayers, Skillful Chess Challenge, and others, added Abdullah.

The students of USIM should have bold personalities and possess organizational skills to prove to society and employers that Muslim graduates are capable of becoming great leaders,"



"The tradition of organizing the Convocation Fest should be seen as a significant event for all USIM students because it is one way of celebrating the graduating class and every USIM student is bound to be celebrated in the Convocation ceremony one day," Br. Abdullah Long said.

"The students of USIM should have bold personalities and possess organizational skills to prove to society and employers that Muslim graduates are capable of becoming great leaders," Abdullah added.

Pekerja Cemerlang Dirai Sempena Minggu Inovasi

Oleh : Siti Maizatul Akmar Ismail

Perasmian USIM online
oleh Tan Sri Dr. Yusof Noor



Tahniah diucapkan kepada penerima-penerima anugerah di Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi USIM Tahun 2009 yang telah diadakan pada 15 Jun baru-baru ini. Seramai 94 orang kakitangan USIM dianugerahkan Perkhidmatan Cemerlang manakala seramai 61 orang pula menerima Anugerah Terpuji.

Selain itu sebanyak 10 anugerah telah diberikan seperti Anugerah Sumbangsih, Anugerah Khidmat Masyarakat, Anugerah Kualiti Naib Canselor dan Anugerah Pengurusan Maklumat.

Selain itu turut diadakan penyerahan sijil MS ISO 9001:2008 dan MS 1900:2005 (Sistem Pengurusan Kualiti Mengikut Perspektif Islam) kepada Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Kualiti. Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti (JPPF) telah berjaya memperolehi pengiktirafan pensijilan daripada pihak SIRIM berkuatkuasa mulai 26 Mac 2010 dalam ISO 9001:2008 Penyediaan Khidmat Perancangan dan Pengurusan Projek Fizikal dan MS 1900:2005 Penyediaan Khidmat Perancangan dan Pengurusan Projek Fizikal Mengikut Perspektif Islam. Pengiktirafan ini menjadikan USIM sebagai satu-satunya universiti pertama yang berjaya menerima pensijilan tersebut.

**Selain itu sebanyak
10 anugerah telah diberikan
seperti Anugerah Sumbangsih,
Anugerah Khidmat
Masyarakat, Anugerah Kualiti
Naib Canselor dan Anugerah
Pengurusan Maklumat.**

Majlis telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Hj. Md Noor, Pengurus LPU USIM. Dalam ucapannya beliau merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua penerima anugerah pada tahun ini.



LAGU WARNA-WARNA CERIA JUARA FESTIVAL CIPTA 2010

Oleh : Siti Maizatul Akmar Ismail



Timbalan Menteri Dalam Negeri sedang menyampaikan hadiah kepada para pemenang



Persembahan selangan CIPTA 2010



Lagu 'Warna-warna Ceria' hasil nukilan penghuni penjara muncul juara dalam Festival Cipta Lagu Patriotik (CIPTA 2010) yang diadakan pada 7 Ogos 2010 anjuran Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Jabatan Penjara Malaysia dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Perbadanan Putrajaya.

Johan membawa pulang wang tunai RM1000 dan hadiah iringen. Manakala lagu 'Jiwa Berpadu' menduduki tempat kedua diikuti lagu 'Tuah Bumi Ini' yang mana masing-masing membawa hadiah wang tunai sebanyak RM750 dan RM500 beserta hadiah iringen.

Selain itu sebanyak tiga buah lagu telah terpilih untuk lirik terbaik iaitu untuk lagu 'Bunga Jiwa Bangsaku', 'Selamat Datang Kemenangan' dan 'Tuah Bumi

Ini' yang mana masing-masing membawa pulang wang tunai RM500.

Program yang merupakan kali ketiga ini bertujuan memupuk semangat kerjasama dan kesedaran dalam penyertaan mahasiswa, kakitangan dan penghuni penjara yang terdiri dari pelbagai kaum dan etnik di Malaysia.

Sebanyak 8 buah lagu telah dipilih untuk ke final dan diiringi oleh sebuah orkestra yang terdiri dari 80 orang pemuzik serta dipersembahkan oleh pelajar USIM dan kakitangan Jabatan Penjara Malaysia. Selain itu festival ini turut

diwarnai dengan Pertandingan Melukis Tokoh Patriotik Malaysia.

Turut hadir Yang Berhormat Datuk Wira Abu Seman Yusop, Timbalan Menteri Dalam Negeri.



Persembahan selangan warga USIM

USIM Saran Tubuh Tabung Saintis Muda

Oleh : Siti Maizatul Akmar Ismail



YB Dato' Seri Mohamed Khaled Bin Nordin diberi penerangan oleh pemenang



"Kekuatan yang dimiliki oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang komited terhadap tradisi keilmuan Islam, berupaya melonjakkan pengaruh Islam dalam inovasi khususnya dalam penciptaan produk-produk di pasaran".

"Saya mengalau-alukan usaha dan inisiatif USIM melalui Fakulti Sains dan Teknologi (FST) bagi menubuhkan Tabung Saintis Muda. Saya percaya dengan penubuhan Tabung Saintis Muda ini, ia akan dapat merangsang dan menggalakkan lagi aktiviti pembangunan inovasi dan kreativiti di kalangan mahasiswa", kata Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled Bin Nordin, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia semasa berucap di majlis perasmian Ekspos Inovasi Islam (i-Inova 2010) di USIM.

Program yang diadakan bermula 26 hingga 28 September ini merupakan anjuran Fakulti Sains dan Teknologi (FST), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Sebanyak 80 penyertaan dari pelbagai agensi dan organisasi menyertai ekspos ini iaitu 30 bagi kategori Prasiwazah dan 50 bagi kategori terbuka.

UKM (Kategori Terbuka) dan IPG Perlis (Kategori Praiswazah) telah dinobatkan sebagai penerima anugerah utama iaitu Anugerah Inovasi Islam 2010. Masing-masing menerima RM 3000, sijil penyertaan dan piala iringan. UKM mempertaruhkan inovasi yang bertajuk "I-ES: Islamic Extraction and Retrieval System to Support Building of a Multilingual Domain Ontology to Enhance Knowledge Discovery Online" manakala IPG Perlis pula membawa tajuk "Tub Mandi Jenazah Mudah Alih".

Anugerah Inovasi Islam ini diberikan berdasarkan kepada penghasilan yang paling inovatif dan dapat memberikan sumbangan kepada pembangunan ummah.

Selain itu dua lagi anugerah turut diberikan kepada penghasilan yang inovatif dan unik serta yang membawa impak kepada masyarakat. Anugerah tersebut ialah Anugerah Al Khawarizmi dan Anugerah Ibnu Sina. Pemenang menerima RM 1500, sijil penyertaan dan piala iringan.

Pensyarah Fakulti Pengajian Bahasa Utama USIM, Dr. Hjh Noorhayati Hashim telah memenangi Anugerah Ibnu Sina untuk kategori terbuka. Beliau telah menghasilkan inovasi yang bertajuk "Noor Method In Teaching Arabic Grammar".

"Noor Method In Teaching Arabic Grammar" ini merupakan kaedah pembelajaran tatabahasa dalam bahasa Arab yang lebih mudah.

"Pembelajaran ini menggunakan pelbagai kaedah seperti penggunaan kad dan perisian multimedia. Ianya lebih mudah, cepat dan sistematis", tambah Noorhayati.



USIM Wujud Skim Insentif Pada Huffaz Al-Quran

Oleh : Siti Maizatul Akmar Ismail

Graduan Pengajian Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Mohd Rasyidi Md Rasyid, 26 dan pelajar tahun 3 jurusan Syariah dan Undang-Undang USIM, Razlan bin Ramli, 22 antara 6 pelajar yang menerima Skim Insentif Huffaz Al-Quran USIM (i-Huffaz).

Masing-masing menerima RM 2,000 beserta sijil penghargaan yang disampaikan oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Hj Baharom (B).

USIM merupakan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pertama yang memartabatkan para huffaz Al-Quran dalam kalangan warga akademik dan merupakan satu pengiktirafan kepada para huffaz daripada sebuah institusi yang mempunyai kepakaran dalam bidang pengajian Islam umumnya dan pengajian Quran khususnya.

Menurut Ustaz Amiruddin, pensyarah Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, pertandingan Hafazan Al-Quran ini bertujuan untuk menggalakkan pelajar-pelajar dan warga USIM menghafal Al-Quran. Ia juga adalah hasrat



Naib Canselor USIM, Y.Bhg. Profesor Dato' Dr. Muhammad Muda dan semua hadiah adalah tajaan dan peruntukan dari tabung Naib Canselor sendiri.

Bagi Razlan, pertandingan seumpama ini merupakan kali ketiga disertainya dan berusaha untuk lebih maju di masa akan datang.

"Saya mendapat tempat ke-5 dalam pertandingan Hafazan bagi kategori 15 juzuk mewakili Negeri Sembilan di Peringkat Kebangsaan dan seterusnya mewakili Malaysia untuk peringkat Asean di Jakarta pada tahun 2009.



Intensif disampaikan oleh
YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Hj Baharom (B)

“

USIM merupakan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pertama yang memartabatkan para huffaz Al-Quran dalam kalangan warga akademik dan merupakan satu pengiktirafan kepada para huffaz daripada sebuah institusi yang mempunyai kepakaran dalam bidang pengajian Islam umumnya dan pengajian Quran khususnya.

”

وقد وجدنا عدداً من المحاضرين قد التحقوا بالعمل بهذه الجامعة منذ طور نشأتها حتى حادتها وأجرينا هنا مقابلة مع ثلاثة منهم:

الدكتور رجب عودة محاضر في كلية دراسات اللغات الرئيسة.

والدكتور أياد عبدالله محاضر في كلية دراسات اللغات الرئيسة

وأخيراً أجرينا حديثاً مع طالبة انضمت في الوحدة الطلابية سابقاً وهي عضو فيها، فهي جزيرة الشيلا محاضرة في هذه الجامعة لاحقاً.

وتم طرح ثلاثة أسئلة لكل واحد منهم :

كم سنة قضيت في ماليزيا وفي هذه الجامعة بالتحديد ، وما هي التطورات التي تمت في يوسيم؟

ماليزيا كنموذج مثالي ، دولة إسلامية ، ما الذي يخوب في فكرك نحو هذه المقوله ؟

كيف تتم تطبيق إجراء الوسطية في جامعة العلوم الإسلامية الماليزية وفي ماليزيا ؟

فكان إجابة الدكتور أياد بن عبد الله قائلاً: اخترت ماليزيا وطنياً من بين سبع سنوات، خدمت منها أربع سنوات هذه الجامعة الفتية، التي تشهد تطوراً علمياً متسارعاً أفقياً وعمودياً بشكل علمي مدروس ومخطط له بعناية. إذ يجري تكامل الكليات والاختصاصات وبرامج الدراسات العليا، إلى جانب تطوير وترقية وتحسين المناهج وطرق التدريس، بشكل يجعل التعليم الحديث ملائماً فيها بوضوح. فيجد المحاضر نفسه في ورشات عمل متلاحة لتطبيق كل ما هو جديد، حيث يجري الآن تطبيق نظام (OBE) وفيه يجري التركيز على مخرجات عملية التعليم والتعلم جنباً إلى جنب مع المهارات الإنسانية بشكل متوازن ودقيق. في حين بدأ العمل بنظام الحضور الإلكتروني (eHadir) والتعليم الإلكتروني (myLMS) حيث يستطيع الطلبة مراجعة المحاضرات المقررة وتوجيهات المحاضرين من خلال الحاسوب. هكذا يسير كل شيء نحو الأحسن باستمرار، بشكل يضمن تحقيق خططها الطموحة.

لا شك في أن ماليزيا تقف في طليعة الدول الإسلامية، في الكثير من الميادين، إن لم أقل جميعها. فماليزيا ليست الأغنى، لكنها بفضل الله أولاً وحكمة المسؤولين فيها الأكثر تقدماً وعمراناً والأكثر أمناً وحرية لمواطنيها والمقيمين فيها، فهي بحق دولة المؤسسات. مما جعلها بلداً سياحياً من الطراز الرفيع.

تحرص هذه الجامعة على رفع مستوى الدراسات الإسلامية والعلوم الcademic الأخرى وفق فلسفتها في الجمع بين العلوم النقلية والعلقانية ومحاسن الأخلاق لبناء الجيل الجديد والمجتمع. هكذا وجدت (أوسيم) التي تستحق منا أفضل خدمة وأقصى عطاً، وجدتها تترجم بحق تطلعات الإنسان المسلم الوعي الذي يعيش عصر الألفية الثالثة بكل مافيه من معطيات وتحديات ومستجدات متتسارعة، في ذات الوقت يعزز بالعلوم النقلية أيضاً اعتزازه. ويسرني أن أجدد هذه الجامعة المعطاءة تسخير بوضوح بالاتجاه الصحيح. وهكذا أيضاً وجدت ماليزيا بلداً آمناً مستقلاً متطروراً مزدهراً يحوز على إعجاب وتقدير كل إنسان زار هذا البلد المزدهر الجميل.

وفي ختام هذه السطور لا يسعني إلا أن أعرب عن تقديرنا للغة العربية في ماليزيا، فنحن نلحظ تقدماً في مستوى تحصيل طلبتنا للغة العربية نحو الأحسن سنة بعد أخرى، وطلبتنا هؤلاء يستحقون كل خير، ويستحقون منا كل الدعم والتشجيع والرعاية والعناية، ويفينا فإن مستقبلاً مشرقاً بانتظارهم لخدمة ماليزيا العزيزة، ومن الله التوفيق.

وتم طرح سؤال واحد لطالبة كانت قد انضمت في الوحدة الطلابية سابقاً وهي عضو فيها :

ماذا استفدتم من الأساتذة الأجانب؟

فكان إجابتها على النحو الآتي:

تعلمنا اللغة العربية والتي نطقها السن عربية بلهجات متفرعة

تعلمنا الأساليب العربية الفصيحة

واستطعنا توليد بيئه عربية فصيحة ، وها أنا أمامكم أتحدث إليكم بالعربية وأجيب على أسئلتكم بلسان عربي .

وأخيراً ، نشكر جميع المحاضرين الأجانب على ما بذلوا من جهد لخدمة إبناتنا الطلبة في هذه الجامعة الفتية ، لا تجد كلمة الشكر والامتنان تعبرها إليهم وننهيهم سوى تعبير واحد "جزاكم الله خير الجزاء ، والله يرعاكم ويسعد خط لكم".

إنها أمنية ومستقبل قد تحقق ... والرأي لكم.

مساهمات محاضري الأجانب بجامعة العلوم الإسلامية الماليزية

إعداد:

الدكتورة أسماء عبد الرحمن (محاضرة أقدم)

الأستاذ داتو الدكتور محمد الحاج إلياس (نائب مدير إنفاذ ومحاضر بكلية الاقتصاد والمعاملات)

جامعة العلوم الإسلامية الماليزية

أكاديمياً الأستاذ داتو الدكتور محمد الحاج إلياس ، نائب مدير إنفاذ ومحاضر بكلية الاقتصاد والمعاملات بجامعة العلوم الإسلامية الماليزية في قوله : استهدف جامعة العلوم الإسلامية الماليزية باستقطاب محاضري أجانب من جميع دول العالم الإسلامي والعربى ، وذلك بإعطاء بعض الملاحظات على مساهماتهم طيلة فترة عملهم بهذه الجامعة وتنطرق هذه المقالة بالتحدث عن أمور ثلاثة وهي كالتالي:

أولها : نبذة عن الجامعة ومعلومات مختصرة عنها.

ثانيها : ما أسباب الحاجة لهذه الخدمات من المحاضرين الأجانب؟ ولماذا تم استقطاب هؤلاء المحاضرين الأجانب؟

ثالثها : القيام بإجراء المقابلات لفترة من المحاضرين الأجانب مع مدير الجامعة السابق.

متلماً كنا نواجه حمى(ازمة) في تعليم أبنائنا ، أصبحنا اليوم نواجه حمى(ازمة) الحصول على موظفين أجانب لسد الفراغ الذي تعيشه منشآت القطاع العام ، مما يجعلها تتنبأ بحثاً عن مواطنين وأساتذة أجانب يسدون (عوزها) أو أجانب تتمكن من استخدامهم في ظل الصعوبات التي أدارتها وزارة العمل محاولة منها على إيجار الجميع للعمل والحصول على الوظائف المتميزة وتنمية قدراتهم وسد ثغرات البلاد.

تأسست جامعة العلوم الإسلامية الماليزية (أوسيم) بتسميتها الأولى المعروفة والمتدالة بين ألسن الناس بجامعة العلوم الإسلامية بماليزيا (كوييم) سابقاً في اجتماع مجلس الوزراء بتاريخ 11 يونيو 1997م ، وتم الإعلان عنها رسمياً في 13 مارس 1998م. وبدأت الجامعة استخدام اسمها الجديد رسمياً ابتداء من 1 فبراير لعام 2007م. وهي تمثل الجامعة الحكومية الأولى التي أسستها الحكومة الماليزية في مطلع القرن الحادي والعشرين، وتعد الجامعة الثانية عشرة من بين الجامعات الحكومية في الدولة. والغاية العظمى من تأسيس (أوسيم) هي رفع مستوى التعليم الإسلامي وإدراجه في تيار التعليم الرئيسي للدولة والذي يقوم على استخدام وسائل تكنولوجيا المعلومات والاتصالات في المجال الأكاديمي، وخاصة في مجال التدريس والبحث العلمي. ولتحقيق تلك الأمنية النبيلة، تؤكد الجامعة على ضرورة إتقان طلبها اللغتين وهما العربية وإنجليزية ، في عملية التنمية الأكademie والشخصية لدى طلابها، بجانب اللغة الوطنية كلغة إدارية في الجامعة. فهي مؤسسة علمية حكومية أكثر تقدماً، وتقوم على المبادئ الإسلامية لحل القضايا التي تواجهها الإسلام والمجتمع.

وتحت عدة كليات ومن بينها : كلية دراسات القرآن والسنة ، وكلية الشريعة والقضاء (يعرف حالياً بكلية الشريعة والقانون (وكليه الدعوه والإداره) (يُعرف حالياً بكلية القيادة والإدارة) ، كلية الاقتصاد والمعاملات ، كلية العلوم والتكنولوجيا ، كلية الطب والعلوم الصحية ، كلية دراسات اللغات الرئيسية ، ومن ثم فتحت كلية طب الأسنان والمركز التمهيدي بالجامعة.

وعندما طرح الأستاذ داتو الدكتور محمد الحاج إلياس ، نائب مدير إنفاذ سؤاله لمدير الجامعة السابق ، عن أسباب الحاجة لهذه الخدمات من المحاضرين الأجانب واستقطابهم ، فكان ردّه : "الأستاذ تان سري داتو الدكتور عبد الشكور حاج حسين والذي نال جائزة الدكتوراه الفخرية من الجامعة الوطنية لاحقاً" حيث يشغل الآن منصب مدير إنفاذ ، فأجاب برأيه السيد عن سبب استقطابهم : فقد قمنا باستقطاب المحاضرين الأجانب ذوي الخبرات ، وذلك لتبادل الخبرات مع الأساتذة والمحاضرين ، وليستفيد الطلاب من المحاضرين الأجانب ، ومنح اليقين والثقة للطلاب وأولات الأمور ، وننظر من حيث العالمية والدولية لأننا جامعة جديدة ، وحيث عدم كفاية أعضاء هيئة التدريس في هذه الجامعة ، ونسبة المحاضرين الأجانب ربما لا تصل إلى العشرين بالمائة . وتم استقطاب هؤلاء المحاضرين الأجانب أيضاً، ليخلعوا جواً وحبـاً لتعلم العربية، وليكونوا بينة لغوية عربية معاصرة من أفواه الناطقين باللغة العربية الفصيحة لغتهم الأم ، وإجبار الطلبة التحدث والمخاطبة باللغة العربية السليقة ، وليرتفعوا ويتعاملوا ويتعاملوا مع الأساتذة الأجانب.